

| | | | |
|-------------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | FMBioSis bimbing pelajar jadi usahawan bioteknologi | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Color | Full Color |
| Date | 31 Jan 2015 | Circulation | 178,211 |
| Section | Supplement | Readership | 534,633 |
| Page No | U15 | ArticleSize | 651 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 12,985 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 38,955 |
| Frequency | Daily | | |



FMBioSis bimbing pelajar jadi usahawan bioteknologi

PROGRAM pembangunan keusahawanan berasaskan produk penyelidikan bukan perkara baharu malah ramai dalam kalangan usahawan telah menempa kejayaan.

Antara program yang berjaya hasil ia-lah Program Pembangunan Biousahawan Siswazah FRIM-MTDC (FMBioSis) yang merupakan inisiatif Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Program FMBioSis diperkenalkan pada tahun 2008 bagi mencungkil bakat keusahawanan dalam kalangan siswazah yang mahu menceburi bidang yang mereka inginkan.

Bagi program pertama, sebanyak 10 buah syarikat terbitan telah diwujudkan dengan asas perniagaan mereka berdasarkan penyelidikan yang pernah dijalankan oleh saintis FRIM. Ini termasuk herba, makanan kesihatan dan penjagaan serta dandanan diri.

Dua buah syarikat yang mula menapak kukuh dalam pengeluaran produk hasil penyelidikan FRIM menerusi program tersebut ialah Nature Profusion Sdn. Bhd. dan Nourish Care Sdn. Bhd.

Nature Profusion dibangunkan oleh Pengarah Eksekutifnya, Wan Sabariah Shuib yang terlibat menghasilkan produk pembersih serba guna berdasarkan tumbuhan dan herba sejak enam tahun lalu.

Berbekalan prinsip tidak takut gagal dan semangat yang cekal, Wan Sabariah, 30, berjaya membina perniagaan tersebut sehingga syarikatnya berdiri teguh ke hari ini.

Menurut Wan Sabariah, minat yang mendalam, menyebabkan beliau berusaha gigih dan menjadikan dirinya lebih matang serta berpengetahuan luas dalam bidang yang baru diterokainya itu.

Selain itu, beliau juga memahami potensi pasaran dengan menghasilkan produk yang mempunyai permintaan, berkualiti dan menarik minat pengguna.

Menjadikan tokoh korporat, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary sebagai idola, beliau mengakui keberanian melibatkan diri dalam bidang perniagaan bukan sahaja perlu memiliki kesungguhan, kesabaran dan bijak malah kejujuran dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab juga perlu disemai dalam hati.

Beliau mengakui, menjadi satu cabaran besar untuk meneroka pasaran yang banyak persaingan dengan nama-nama yang gah di pasaran. Beliau bagaimanapun yakin dengan produk keluaran syarikatnya yang membawa konsep pembersihan rumah dan

diri ke arah transformasi yang lebih bersih dan selamat.

Dengan sokongan rakan perniagaan dan melalui pembacaan serta kajian mengenai produk yang ada di pasaran, beliau percaya produk pencuci serba guna, Ciera yang berbasaskan bahan aktif daripada tumbuhan seperti ekstrak lidah buaya dan teh hijau boleh diterima ramai.

Ini kerana bahan utama yang digunakan itu tidak mempunyai kesan buruk jangka panjang kepada kesihatan manusia atau alam sekitar.

Jelas graduan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu, pengguna perlu menyedari tahap kebersihan rumah selepas melakukan kerja-kerja tersebut. Ini kerana, pembersihan rumah menggunakan pencuci konvensional mengundang risiko akibat penggunaan bahan kimia yang terkandung di dalamnya.

Sementara itu, Pengarah Teknologinya, Dr. Mastura Mohtar berkata, bahan aktif unik daripada ekstrak lidah buaya dan teh hijau bukan sahaja membersih malah mengharumkan serta membasmikan 99.9 peratus bakteria kebal dan rentan antibiotik dengan lebih berkesan. Bahan utama itu juga melindungi seisi keluarga daripada jangkitan kuman. Tanpa sumbangan FRIM membekalkan teknologi dan MTDC menyediakan dana dalam bentuk geran, mustahil impian memiliki syarikat sendiri, telah tercapai.

Jelasnya, FRIM dan MTDC banyak membantu syarikatnya untuk berdiri teguh dalam menyediakan platform yang selesa untuk memulakan perniagaan serta membantu daripada segi latihan perniagaan dan promosi produk secara berterusan.

Siapa sangka dalam tempoh sesingkat enam tahun, Nature Profusion Sdn. Bhd. berjaya mengembangkan empayar dan menembusi pasaran tempatan. Buat masa kini, produk pencuci serba guna itu berjaya memasuki pasaran tempatan dan mendapat permintaan yang amat menggalakkan.

Malah, beberapa syarikat besar selain FRIM dan Universiti Sains Malaysia turut menggunakan produk tersebut.

Dalam masa yang sama, rangkaian produk pembersihan diri dijangka memasuki pasaran dalam masa terdekat.

Dalam pada itu, Wan Sabariah berharap syarikatnya akan terus melakar nama dalam menghasilkan lebih banyak variasi produk bukan sahaja berdasarkan bahan semula jadi sebaliknya turut menghasilkan produk organik.

Pada masa akan datang, beliau berharap syarikatnya akan meneroka pasaran

| | | | |
|-------------------|--|--------------------|---------------------------|
| Headline | FMBioSis bimbing pelajar jadi usahawan bioteknologi | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 31 Jan 2015 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 178,211 |
| Page No | U15 | Readership | 534,633 |
| Language | Malay | ArticleSize | 651 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 12,985 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 38,955 |

antarabangsa untuk pertumbuhan perniagaan yang lebih agresif dan membina rangkaian perniagaan di dalam dan luar negara.

Wan Sabariah turut menasihati peniaga khususnya golongan muda yang berminat untuk mencebur ke perniagaan agar memupuk minat dalam bidang tersebut.

CABARAN

“Usahawan muda jangan mudah putus asa dengan rintangan dan cabaran selain belajar memahami kehendak pengguna dalam memastikan produk diterima pasaran” ujarnya.

Oleh itu, FMBioSis wajar dilihat sebagai satu usaha kerajaan melihat lebih ramai graduan bergelar usahawan bioteknologi dengan memanfaatkan penggunaan hasil penyelidikan FRIM.

Program tersebut antara lain bertujuan membangunkan graduan muda yang berpotensi menjadi usahawan bioteknologi dengan mengkomersialkan teknologi penyelidikan tempatan. Program FMBioSis juga boleh dianggap sebagai platform bagi pelajar yang bercadang untuk bekerja sendiri pada masa hadapan.

Usaha melahirkan usahawan bertujuan memanfaatkan teknologi tempatan dan aplikasi kaedah penyelidikan dalam menghasilkan inovasi, produk dan perkhidmatan untuk memenuhi pasaran dalam industri bioteknologi.

Menurut Wan Sabariah, minatnya dalam bidang perniagaan tidak mungkin dapat direalisasikan sekiranya tidak mendapat sokongan dan bantuan daripada pihak FRIM dan kesediaan MTDC memberikan

bantuan modal dalam bentuk geran.

Katanya, menerusi program selama setahun itu, beliau bukan sahaja berjaya menubuhkan sebuah syarikat yang berdaya saing malah mempelajari selok-belok perniagaan serta pengurusan sesebuah syarikat dan bagaimana memastikan produk tersebut diterima.

Tambahnya, Program FMBioSis yang kini diperluaskan di kebanyakan universiti perlu disahut oleh golongan pelajar yang mempunyai impian untuk berjaya terutamanya bagi mereka yang memasang cita-cita untuk menjadi seorang usahawan.

Pembelajaran yang ditawarkan amat berkesan dan secara menyeluruh daripada mula kajian sehingga teknik memasarkan sesuatu produk.

“Tawaran tersebut sepertinya tidak boleh dilepaskan oleh mana-mana pelajar yang ingin mencebur ke perniagaan,” kata Wan Sabariah.

Jelasnya, walaupun masih baru berta-pak dalam industri, namun berkat usahanya, beliau menerima pengiktirafan serta memenangi pelbagai anugerah antarabangsa termasuk Ciptaan Terbaik untuk kategori sanitasi atau kebersihan dari Persatuan Tandas Hong Kong (HKTA) dan Anugerah Pingat Perak Eksspo Reka Cipta Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2009.

Baru-baru ini, syarikat itu juga telah dianugerahkan Persijilan Label Eko SIRIM daripada SIRIM QAS International dan sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), sekali gus mampu mencetus peluang bagi mengembangkan produk keluarannya.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh hubungi 03-62625776 atau layari www.ciera.my



PENCUCI serbaguna Ciéra yang dihasilkan oleh syarikat Nature Profusion Sdn. Bhd. mula mendapat tempat di pasaran tempatan.